



Othman bersama Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Azaddin Ngah Tasir melawat Galeri AKPK semasa Lawatan Kerja ke Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), baru-baru ini.

Ramai gagal urus kewangan

SMAR HARIAN 6/1

KUALA LUMPUR—Keadaan ketidakpastian ekonomi negara bukanlah punca utama menyebabkan jumlah penghutang yang mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) meningkat.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, jumlah penghutang meningkat atas beberapa faktor seperti kelemahan pengurusan kewangan individu atau keluarga itu sendiri.

“70 peratus individu yang mendapatkan khidmat AKPK adalah mereka berumur 30 hingga 50 tahun dan daripada jumlah itu, 50 peratus daripadanya gagal melunaskan hutang kad kredit, pinjaman peribadi dan sebagainya.

“Pengurusan kewangan yang baik adalah lebih kepada disiplin. Disebabkan itu, kementerian mahu AKPK memainkan peranan lebih agresif supaya dapat membantu mereka yang mengalami masalah ini,” katanya pada sidang media selepas lawatan kerja ke ibu pejabat AKPK, baru-baru ini.

Sebelum ini, AKPK melaporkan sejak penubuhan sehingga 30 November 2016, lebih 505,069 pelanggan telah mendapatkan perkhidmatan kaunseling AKPK, di mana



● Individu berumur 30-50 tahun

167,060 daripada jumlah itu telah dibantu melalui Program Pengurusan Kredit (PPK).

Dalam jangka masa sama, 11,935 kes berjaya diselesaikan PPK dengan jumlah keseluruhan bernilai RM488 juta.

Othman berkata, peningkatan jumlah pelanggan ke AKPK dilihat sebagai satu petanda baik yang membuktikan orang ramai kini lebih sedar mengenai peranan agensi itu.

“Kita tidak nafikan peningkatan jumlah mereka yang berhutang tetapi pada masa sama, kita tidak bimbang dengan kenaikan itu kerana peranan AKPK semakin disadari.

“Jumlah kes yang selesai adalah satu petanda baik, secara tidak langsung ia juga boleh menjadi salah satu faktor kes bankrap berkurangan,” katanya.

Beliau turut menasihati orang ramai yang memiliki masalah kewangan supaya mendapatkan khidmat AKPK

- Hutang kad kredit
- Pinjaman peribadi

sebelum masalah kewangan itu menjadi lebih parah.

“Jangan takut ke AKPK. Persepsi AKPK menambahkan masalah perlu diubah, kerana agensi ini berperanan membantumerekamenguruskan kewangan dengan lebih baik mengikut kemampuan masing-masing.

“Agensi ini juga tidak mengenakan sebarang caj kerana semua perkhidmatan percuma. Mereka perlu datang lebih awal sebelum masalah menjadi lebih rumit dengan melibatkan tindakan undang-undang,” katanya.

Bagi memupuk kesedaran mengenai pengurusan kewangan yang bijak, beliau berkata, AKPK turut menawarkan peranan dalam pendidikan kewangan untuk setiap lapisan masyarakat.

“Dalam pelbagai program dijalankan, AKPK telah melibatkan dua juta peserta. Pada 2016 sahaja, agensi ini telah memberikan perkhidmatan kepada 960,000 peserta daripada pelbagai peringkat.

“Menerusi program ini, AKPK akan menjalankan beberapa kerjasama termasuklah dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mendidik masyarakat di peringkat lebih awal,” katanya.